

Rumpai laut merah jambu

Penduduk sekitar Mengabang Telipot gempar dengan penemuannya yang semakin banyak

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS – Penduduk sekitar Mengabang Telipot, di sini gempar dengan penemuan rumpai laut berwarna merah jambu yang ditemui di sekitar pantai di kawasan berkenaan.

Kehadiran rumpai laut itu mula dikesan sejak Jumaat lalu oleh penduduk, namun jumlahnya dikatakan semakin banyak mulai semalam hingga mencetuskan tanda tanya orang ramai.

Tinjauan *Sinar Harian* di Kampung Tanjung Gelam mendapati, rumpai laut yang berwarna merah jambu itu memenuhi kawasan pantai disertai dengan bau busuk.

Penduduk, Che Maizon Embong, 63, berkata, dia mula menyedari kehadiran rum-

pai laut itu setelah terganggu dengan bau busuk yang dipercayai datang dari arah pantai berkenaan.

Menurutnya, sejak malam Jumaat lagi dia terhidu bau busuk, namun tidak mengambil serius sehinggalah semalam dimaklumkan ada rumpai laut di sekitar pantai.

“Pagi ini (semalam) saya lihat sendiri di kawasan pantai dan agak terkejut dengan jumlah rumpai laut yang begitu banyak.

“Sejak kecil lagi saya menetap di kawasan ini, tapi kejadian sebegini adalah kali pertama pernah saya lihat dan tidak pernah terjadi sebelum ini,” katanya.

Che Maizon berkata, ke-

tika ini keadaan air pantai turut berwarna merah berikutan rumpai laut yang begitu banyak dihanyutkan ke darat.

Dalam pada itu, Angkatan

Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu menasihatkan orang ramai agar tidak berada berdekatan pantai bagi mengelak sebarang ke-

jadian tidak diingini berikutan cuaca kini berada dalam peralihan monsun.

Pengarahnya, Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman berkata, pihaknya akan menghantar pasukan untuk memantau kawasan berkenaan bagi memastikan keselamatan orang ramai.

Menurutnya, tidak dinafikan, kawasan itu akan menjadi tumpuan ramai setelah berita mengenai rumpai laut berwarna merah jambu di sekitar pantai dan mereka ingin melihatnya sendiri.

“Bagaimanapun, kita nasihatkan mereka agar tidak

mendekati kawasan sebegini kerana dalam keadaan peralihan monsun ini keadaan cuaca sukar untuk diramal.

“Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak membuat andaian mengenai rumpai laut berwarna merah jambu yang didapati banyak terdampar ini bagi mengelak berlaku suasana panik,” katanya.

Menurutnya, tidak dinafikan orang ramai terutamanya pengguna laman sosial akan membuat andaian kejadian berkenaan sebagai petanda akan berlaku perkara yang tidak diingini seperti banjir besar dan sebagainya.



Pengunjung tidak melepaskan peluang merakam keadaan sekitar pantai yang berwarna merah jambu.



Air laut turut bertukar warna menjadi merah.